



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan '**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	MENYELENGGARA DAN MEMBAIK PULIH SISTEM PERPARITAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEKITAR KG KESOM DAN SEKITARNYA, KUALA TERENGGANU, MB KUALA TERENGGANU (MBKT SH 23/2026)	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE 06 & CE 21	RM20.00
2	MENYELENGGARA DAN MEMBAIK PULIH SISTEM PERPARITAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG KUBANG IKAN DAN SEKITARNYA, KUALA TERENGGANU, MB KUALA TERENGGANU (MBKT SH 24/2026)		
3	MENYELENGGARA DAN MEMBAIK PULIH SISTEM PERPARITAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN DALYA DAN SEKITARNYA, KUALA NERUS, MB KUALA TERENGGANU (MBKT SH 25/2026)		

- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan maklumat lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 18, Menara MBKT, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**
- Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga yang membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga. **Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Sebutharga.**
- Dokumen Sebut harga akan dijual mulai pada hari **ISNIN 2 MAC 2026** hingga **SELASA 10 MAC 2026** yang boleh dibuat secara Wang Tunai / Deraf Bank yang dibuat atas nama:

"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"

- Sebut harga ini akan ditutup pada hari RABU 11 MAC 2026** . Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan "**Tajuk**" dan "**No. Sebut Harga**" berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan di Tingkat 18 , Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup tawaran .
- Syarikat WAJIB mengemukakan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia semasa menghantar Dokumen Sebut Harga.
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
- Penyebut harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

(**HAJI LIZAN BIN CHE MAT**)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu